

GINSENG-E CAPSULES

Vitamin E acetate/ Ginseng (50IU/ 100mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Ginseng-E
2. Bagaimana Ginseng-E berfungsi
3. Sebelum mengambil Ginseng-E
4. Cara menggunakan Ginseng-E
5. Semasa menggunakan Ginseng-E
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Ginseng-E
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Ginseng-E

Ia digunakan sebagai suplemen vitamin E dan ginseng.

Bagaimana Ginseng-E berfungsi

Vitamin E adalah agen antioksidan yang menghalang tindakan agen pengoksida dalam membrane sel dan melindungi pemusnahan sel darah merah. Ginseng mengandungi ginsenosida. Ia meningkatkan sistem pertahanan dan pemulihan badan..

Sebelum mengambil Ginseng-E

- Bila tidak boleh mengambil

Jika ada alahan terhadap vitamin E acetat dan ginseng.

- Sebelum mula mengambil

Dos tinggi tidak dicadangkan tanpa arahan doktor. Dos tinggi (melebihi 16 kapsul sehari untuk jangka panjang) boleh mengakibatkan gangguan gastrousus dan keletihan.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Ginseng-E

- Berapa banyak harus diambil

Suplemen pemakanan: Oral, 1 kapsul sehari, atau ikut arahan doktor.

- Bila perlu diambil

Seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi.

- Berapa lama perlu diambil

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa mengambil

Jangan mengambil dos berganda sebagai gantian dos yang terlepas.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika terlebih dos, hubungi doktor, jabatan kecemasan atau pusat racun dengan segera.

Semasa menggunakan Ginseng-E

- Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu doktor ubat yang sedang diambil.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat sebaik sahaja berasa lega selepas beberapa hari, sambung sehingga jangka rawatan selesai.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Beritahu doktor jikalau hamil atau menyusukan anak semasa rawatan, Elak gunakan ubat kecuali atas arahan doktor

Kesan-kesan sampingan

Dos tinggi (melebihi 16 kapsul sehari untuk jangka panjang) mengakibatkan gangguan gastrousus dan keletihan. Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web

npra.moh.gov.my (Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety).

Cara penyimpanan dan pelupusan Ginseng-E

- Penyimpanan

Simpan di tempat dingin dan kering, bawah 30°C. Jauhkan dari cahaya. Jauhkan daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Dapatkan nasihat ahli farmasi cara pelupusan ubat yang tidak diperlukan.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Kapsul keras warna kuning legap / kuning lutsinar.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: vitamin E acetate dan ginseng .
- Bahan tidak aktif: talc, cornstarch dan magnesium stearate

- Nombor MAL:

MAL19940453X

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.
1505, Lorong Perusahaan Utama 1
Taman Perindustrian Bukit Tengah
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

26/12/2017

Nombor siri

NPRA(R4/1)221217/00370